

## **Ucapan Pembukaan Sesi Kedua Majlis Dialog Belanjawan 2003**

Putrajaya, 31 Mei 2002

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Dialog Belanjawan 2003 bagi Sesi Kedua pada pagi ini. Sesi Pertama telahpun diadakan kelmarin di mana perbincangan telah ditumpukan kepada isu-isu makroekonomi. Sesi pada pagi ini pula akan ditumpukan kepada isu-isu sektoral. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada semua yang telah mengemukakan memorandum.

2. Dalam persekitaran luar yang sukar pada tahun lalu, di mana ekonomi dunia telah mengalami kelembapan, kita masih berjaya mengelak daripada menghadapi kemelesetan ekonomi. Negara mampu mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.4% berbanding dengan beberapa negara jiran yang mengalami kemelesetan, meskipun prestasi sektor pembuatan telah terjejas akibat kejatuhan permintaan elektronik global yang mendadak. Pengeluaran sektor elektronik yang pernah mencatat pertumbuhan tinggi sebanyak purata 32.5% bagi tempoh 1999 dan 2000 telah mengalami kemerosotan sebanyak 20.2% pada tahun 2001. Pergantungan yang berlebihan kepada keluaran elektronik bukan sahaja telah menjejaskan kegiatan sektor pembuatan keseluruhannya, tetapi juga aktiviti ekonomi yang berkaitan dengannya. Berikutan itu, hasil eksport negara turut merosot dengan ketara.

3. Untuk mengimbangi kesan kelembapan sektor luar, Kerajaan telah melaksanakan pakej rangsangan fiskal untuk mencergaskan kegiatan ekonomi dan meningkatkan permintaan dalam negeri. Langkah ini disokong oleh dasar kewangan yang akomodatif, di samping asas-asas ekonomi negara yang semakin mantap.

4. Kini, pemulihan ekonomi negara semakin kukuh. Keluaran Dalam Negeri Kasar pada suku pertama tahun ini telah meningkat kembali sebanyak 1.1% berbanding dengan pengurangan sebanyak 0.9% pada suku ketiga dan 0.5% pada suku keempat tahun lalu. Sektor perkhidmatan masih merupakan penggerak utama ekonomi dengan mencatatkan kadar pertumbuhan 4.6% berikutan kecergasan aktiviti ekonomi dalam negeri yang berterusan dan keyakinan pengguna yang meningkat. Prestasi sektor pembinaan juga berkembang sebanyak 2.9%, hasil daripada pelaksanaan pakej rangsangan fiskal dalam suasana kadar faedah yang kekal rendah. Sektor pembuatan, walaupun telah mengalami kemerosotan ketara pada suku kedua tahun lalu sebanyak 7.6% dan seterusnya sebanyak 8.2% pada suku ketiga dan 6.2% pada suku keempat, mula menunjukkan tren ke arah pemulihan dengan mencatatkan kadar kemerosotan yang kian mengecil sebanyak 2.1%.

5. Dalam usaha untuk mencergaskan pertumbuhan ekonomi yang berterusan, Kerajaan telah mengambil banyak langkah, termasuk cukai dan bukan cukai, untuk mempelbagaikan punca pertumbuhan ekonomi. Dalam sektor perkhidmatan, umpamanya, pembangunan ICT mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Industri pelancongan telah juga menunjuk prestasi yang sungguh menggalakkan, walaupun telah terjejas berikutan peristiwa serangan 11 September. Industri pelancongan boleh diperkembangkan lagi dengan menjadikan kesihatan, pendidikan, sukan dan alam sekitar sebagai produk pelancongan yang berdaya maju. Industri pendidikan juga boleh dimajukan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa. Dalam industri pengangkutan, negara mempunyai kelebihan untuk menjadi hub bagi perkhidmatan pelabuhan dan lapangan terbang. Ini adalah selaras dengan usaha kita untuk berperanan sebagai global player di pasaran antarabangsa.

6. Sektor pertanian juga masih mempunyai banyak ruang untuk dimajukan. Kita perlu membina kekuatan dalam sektor ini melalui kerja-kerja R&D dan bio- teknologi serta membangunkan industri hiliran bagi produk pertanian. Dalam sektor pembuatan pula, usaha perlu dilakukan untuk beralih daripada tumpuan yang keterlaluan terhadap keluaran elektronik. Untuk ini, industri berasaskan sumber dalam negeri serta pengeluaran produk baru yang lebih pelbagai hendaklah diberi keutamaan.

7. Kita juga perlu meneroka pasaran baru yang mempunyai potensi besar. Kita tidak seharusnya hanya menumpu kepada pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat, Jepun dan kawasan Euro, tetapi mesti berusaha menembusi pasaran negara-negara lain seperti China, Asia Barat dan Afrika. Untuk ini, kita perlu meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan menggalakkan kebolehan kreativiti dan inovasi yang berterusan supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa, lebih-lebih lagi dengan kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Produk negara mestilah berkualiti tinggi dan pada harga yang kompetitif serta dapat memenuhi cita rasa pengguna yang semakin canggih.

8. Persekitaran ekonomi dunia pada masa ini bertambah baik. Aktiviti perdagangan dan pergerakan modal antarabangsa semakin cergas. Keyakinan pelabur asing terhadap negara kita juga telah meningkat dan imej negara yang kini semakin berada di tahap yang tinggi. Dengan persekitaran luar yang semakin baik, kini, masanya adalah sesuai bagi sektor swasta merebut peluang perdagangan dan pelaburan serta menjalin perkongsian bijak dengan rakan strategik untuk meningkatkan pasaran Negara.

9. Sungguhpun pendekatan kita dalam mengendalikan perniagaan selama ini telah banyak menyumbang ke arah mengekalkan daya saing negara, namun begitu, sektor swasta perlu membuat

perubahan dengan pantas supaya menjadi lebih dinamik dan berdaya tahan. Kerajaan

akan terus memberi sokongan serta menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif untuk menggalakkan aktiviti sektor swasta. Di samping memberi kerjasama dan sokongan kepada sektor swasta atas semangat Malaysia Inc, Kerajaan akan terus mengamalkan pengurusan ekonomi yang pragmatik serta memberi perkhidmatan dan kemudahan yang sesuai. Kerajaan juga akan meneruskan lagi usaha menstruktur semula sektor korporat dan kewangan untuk memperkukuhkan lagi industri perbankan dan kewangan. Langkah untuk memantapkan lagi urus tadbir korporat akan diteruskan bagi meningkatkan keyakinan pelabur. Jentera Kerajaan akan diperkemaskan lagi agar lebih lancar dan berkesan. Dengan adanya delivery system yang efisien ini, ianya secara langsung dapat mengurangkan kos kendalian perniagaan dan meningkatkan kecekapan sektor swasta.

10. Kerajaan ingin melihat sektor swasta sekali lagi mengambil alih sebagai penggerak utama kegiatan ekonomi bagi mencapai pertumbuhan yang mapan dalam jangka panjang. Sektor awam akan terus menyokong kegiatan sektor swasta dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mempertingkatkan lagi kegiatan ekonomi. Oleh yang demikian, tema Majlis Dialog Belanjawan pada tahun ini akan ditumpukan kepada langkah-langkah "Memupuk Sektor Swasta yang Dinamik dan Berdaya Tahan (Promoting a Dynamic and Resilient Private Sector)".

11. Adalah menjadi tujuan Majlis Dialog ini untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada tuan-tuan dan puan-puan bagi membolehkan kita bersama merangka dasar dan strategi yang sesuai. Untuk memulakan Sesi Kedua Dialog Belanjawan 2003 pada pagi ini, saya dengan sukacitanya mempersilakan Yang Berbahagia Dato' Francis Huang (Persekutuan Pekilang- Pekilang Malaysia - FMM) untuk menyampaikan pandangan.